

Kewujudan pembunuh upahan, kelemahan kawalan sempadan punca kes tembak meningkat
Astro Awani
Julai 28, 2016
Israr Khalid

KUALA LUMPUR: Peningkatan kes tembak di Malaysia sejak kebelakangan ini didapati berpunca daripada wujudnya kumpulan pembunuh upahan, kata penganalisis kriminologi Datuk Akhbar Satar.

Katanya, pembunuh upahan terbahagi kepada tiga kelas; iaitu amatur yang banyak melibatkan kes peribadi; separa-profesional yang menjalankan pembunuhan bermotif dendam, dengki atau ekonomi dan profesional melibatkan jenayah terancang seperti kongsi gelap.

"Di Malaysia ini saya dapati kebanyakan pembunuh upahan adalah dari kelas separa-profesional.

"Mereka selalu melakukan pembunuhan di tepi jalan, kawasan lampu isyarat, di dalam kedai yang selalunya mereka ini dapat dijejaki dan ditangkap dengan mudah oleh pihak polis," katanya ketika dihubungi *Astro AWANI*.

- CCTV berdefinisi tinggi -

Dalam pada itu, Datuk Akhbar mencadangkan supaya kamera litar tertutup (CCTV) berdefinisi tinggi perlu digunakan bagi memudahkan polis serta pihak berkuasa lain sekiranya berlaku sebarang insiden.

Ini kerana kebanyakan kamera CCTV yang digunapakai ketika ini berdefinisi rendah dan sukar untuk mengecam wajah atau nombor pendaftaran kenderaan yang digunakan penjenayah dengan lebih jelas.

- Akses senjata api yang mudah -

Sementara itu, Ketua Penyelidik Kumpulan Jenayah & Kepolisian Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan Universiti Sains Malaysia (USM), Profesor Madya Dr. P. Sundramoorthy berkata, penjenayah ketika ini semakin berani untuk bertindak ganas bagi mendapatkan keberkesanan maksimum dalam melaksanakan motif mereka, iaitu membunuh.

Pada masa sama, ia juga didorong akses kepada senjata api yang begitu mudah didapati menerusi sempadan.

Mereka tidak lagi menggunakan cara lama iaitu menggunakan senjata tajam seperti parang, kapak dan sebagainya, sebaliknya beralih kepada senjata yang lebih berkuasa.

"Akses kepada senjata api secara tidak sah dari negara jiran seperti Thailand dan Filipina sudah lama wujud, cuma dirancarkan dengan elemen jenayah masa kini yang sudah tidak lagi teragak-agak untuk menggunakan senjata api.

"Mereka ada akses mudah kepada senjata api memandangkan sempadan yang longgar menyebabkan banyak 'lorong tikus' wujud dan senjata api dibawa melalui cara ini," terangnya.

Mereka berkata demikian [susulan kes pembunuhan seorang lelaki berusia 40-an yang ditembak mati dengan 16 das di persimpangan lampu isyarat dekat Jalan Genting Kelang](#), Setapak pada Rabu.

Ia merupakan kes tembak ke-16 yang dicatatkan setakat ini bagi tahun 2016.

Tag: [Tembak](#), [Danau Kota](#), [pembunuh upahan](#), [Datuk Akhbar Satar](#)

© 2016 Astro Awani Network Sdn. Bhd. (535275-D) All Rights Reserved.

Source: <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/kewujudan-pembunuh-upahan-kelemahan-kawalan-sempadan-punca-kes-tembak-meningkat-112330>